

Hemat belanja manfaat kenaikan gaji

Kakitangan awam mesti semai budaya menabung elak diperangkap peniaga tamak

kakitangan awam menikmati kenaikan gaji.

“Masyarakat peniaga jangan jadi oportunis untuk bertindak secara tidak bertanggungjawab, kita nak tunggu kesan positif dalam perniagaan dan kekalkan suasana stabil yang ada dalam dunia perniagaan,” katanya.

Abdul Rahim berkata, Gabem akan bertindak dengan serta-merta jika menerima sebarang aduan daripada mana-mana badan ekonomi dan syarikat mengenai penyelewengan dan penindasan dilakukan dengan menaikkan harga barang tanpa justifikasi.

Dalam perkembangan berkaitan, kenaikan gaji anggota perkhidmatan awam mempunyai kesan positif kepada sektor swasta.

Peningkatan kuasa membeli kakitangan awam akan turut melimpah kepada kemajuan sektor swasta yang mungkin menyaksikan lebih banyak rumah berupaya dijual, gedung pakaian mencatat keuntungan dan begitu juga kedai elektrik.

Keseluruhan kuasa membeli berjumlah berbilion ringgit akan tertumpu kepada swasta yang dimanifestasikan menerusi syarikat.


Bukan saja perniagaan bertambah malah keuntungan lebih akan diperolehi, sekali gus turut memberi insentif kepada pekerja mereka dalam bentuk bonus.

Pada peringkat ini, penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memang dilaksanakan, termasuk menerusi serbuan di restoran dan kedai makan bagi mengawasi tindak-tanduk peniaga.

Usaha membanteras itu mesti diteruskan dengan lebih agresif sebab kenaikan gaji dalam sektor awam tidak mempunyai kesan kepada kenaikan kos barang untuk penjualan secara runcit yang berlaku di banyak tempat.

Oleh itu, kata Abdul Rahim, pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk badan ekonomi yang bergabung dengan Gabem bertekad untuk sama-sama mengambil dan memikul tugas mengawal harga barang.

“Saya meminta semua badan ekonomi Melayu dan koperasi ekonomi Bumiputera



“Masyarakat peniaga jangan jadi oportunis untuk bertindak secara tak bertanggungjawab, kita nak tunggu kesan positif dalam perniagaan dan kekalkan suasana stabil”

Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik

Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem)

terutama di seluruh negara memikul tanggungjawab bagi melaporkan sebarang usaha untuk sabotaj kesan positif kenaikan gaji sektor awam ini,” katanya.

Pensyarah kanan Pusat Pengajian Pengurusan (Bahagian Kewangan) Universiti Sains Malaysia (USM), Datin Dr Jorah Muhammad, berkata pendidik yang turut gembira dengan kenaikan gaji itu berharap wujud suntikan baru untuk lebih meningkatkan kualiti tugas mereka.

“Ini seperti bonus kepada pensyarah walaupun mereka yang baru balik dari luar

negara selepas menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD). Mereka lebih yakin dan bersemangat, tak akan lari dan ada masa depan.

“Namun begitu, pendidik dan pensyarah perlu berhati-hati ketika berbelanja kerana kerajaan menaikkan gaji bukan untuk dibazirkan.

“Jika kita boros akan jadi inflasi. Oleh itu, kita kena bantu kerajaan dan elak daripada inflasi naik dan patut menyimpan lebih untuk pendidikan anak-anak,” katanya.

Jorah berkata, kerajaan membuat pengorbanan begitu besar kerana perlu menambah peruntukan bagi membayar gaji kakitangan awam dan seharusnya mereka memberi balasan dengan meningkatkan kualiti kerja dan kecekapan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Datuk Seri Mohd Yusof Latiff, berkata semua kakitangan sektor awam diharap menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi mereka.

Katanya, sistem penyampaian kerajaan yang kerap menjadi rungutan di kalangan rakyat mesti diperbaiki demi menjaga nama baik perkhidmatan awam.

“Dalam apa juga aspek termasuk permintaan kunjungan dan lawatan dari NGO ke pejabat kerajaan mesti dipermudahkan,” katanya.

Beliau berkata, aspek penguatkuasaan bukan saja tugas KPDNHEP, malah pihak berkuasa tempatan dan polis perlu memantau harga barangan pengguna.

“Kalau ada peniaga naik harga, pengguna kena boikot mereka. Pengguna patut ajar peniaga supaya tidak mengambil kesempatan kerana kenaikan gaji tidak bermakna kepada kakitangan awam jika harga barang naik sewenang-wenangnya.

“Kakitangan kerajaan usah boros, nak tukar kereta dan macam-macam lagi. Mereka patut menyimpan untuk masa depan dan kecemasan.

“Kira-kira 50 peratus daripada jumlah kenaikan gaji perlu dijadikan simpanan dan budaya menabung perlu ditingkatkan pada setiap masa,” katanya.